

BAB I

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Islam sebagai agama yang konperhensif iaitu mencakup segala aspek kehidupan manusia juga memberi perhatian pada sosio-ekonomi ummah. Islam mensyariatkan zakat sebagai kaedah untuk menstabilkan ekonomi masyarakat Islam. Salah satu tujuan zakat ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan berpotensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Zakat ialah pengambilan harta daripada golongan kaya yang mempunyai kelebihan harta dan diagihkan kepada fakir dan miskin untuk mengurangkan tekanan kemiskinan mereka.

Dalam pelaksanaan zakat, Islam telah mewajibkan mereka yang mempunyai lebih harta agar disalurkan lebih harta itu kepada asnaf penerima zakat. Zakat terbahagi kepada dua bahagian iaitu zakat *nafsī* (zakat fitrah) dan zakat *māl* (harta).¹ Zakat fitrah diwajibkan kepada seluruh umat Islam untuk membersihkan dirinya. Manakala zakat harta pula diwajibkan untuk membersihkan harta benda.

Dalam Islam zakat mempunyai tiga unsur², iaitu unsur ibadah, unsur sosial dan unsur ekonomi. Unsur sosial dalam zakat ialah membantu fakir miskin yang kekurangan harta untuk mengurangkan beban ekonomi mereka, sehingga mereka dapat keluar daripada kemiskinan. Oleh itu, hasil pertanian termasuk dalam harta yang wajib dikeluarkan zakat apabila telah cukup nisab. Tetapi yang menjadi persoalannya ialah, masih terdapat

¹ Hasbi Ash Shiddieqy (1981), *Pedoman Zakat*, Jakarta : Penerbit N.V Bulan Bintang, h. 30

² ‘Abdul Ḥamid Maḥmūd (1991), *Iqtiṣādiyyāt al-Zakāh*, Kāhīrah : Dār al-Salām, h 10,11

perbezaan pendapat di kalangan ulama, mengenai jenis-jenis hasil pertanian yang diwajibkan zakat (hal ini berpengaruh kepada amalan masyarakat Islam dalam mengeluarkan kewajiban zakat pertanian).

Masyarakat Islam di kawasan Asia Tenggara, seperti Indonesia, Malaysia dan Thailand kebanyakannya menganut mazhab Syafi'i dalam pelaksanaan zakat pertanian. Contohnya, mazhab Syafi'i berhujah yang wajib dikeluarkan zakat ialah makanan asas, sedangkan hasil tanaman lain tidak wajib dikeluarkan zakat. Amalan ini perlu dikaji semula dengan melihat keadaan, tempat dan masa yang berbeza dengan menerokai sumber-sumber zakat pertanian yang lainnya, agar kewajiban zakat mencapai matlamat sebenar sebagai kaedah agihan semula kekayaan daripada orang kaya kepada fakir miskin secara berkesan.

Seterusnya, penulis mengkaji pelaksanaan pembayaran zakat daripada hasil pertanian yang telah diamalkan di Sumatera Utara. Menurut pemerhatian penulis selama ini, petani yang membayarkan zakat di daerah Tapanuli Selatan hanyalah petani padi sahaja. Oleh sebab itu isu ini perlu dibuat penelitian apakah kenyataan ini benar ataukah sebaliknya.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kemiskinan merupakan permasalahan sosio-ekonomi masyarakat Islam, khususnya dan seluruh umat manusia, umumnya. Yang dimaksudkan dengan kemiskinan ialah ketiadaan harta benda untuk memenuhi keperluan asas hidup seseorang atau suatu kumpulan masyarakat.³ Ahli-ahli pakar ekonomi selalu memikirkan idea-idea baru dalam menyelesaikan permasalahan tersebut kerana kemiskinan melibatkan permasalahan sosial,

³ Yūsuf al-Qarāḍāwī (2001), *Dawr al-Zakāh fī 'Ilāj al-Musykilāt al-Iqtisādiyyah wa Syurūṭ Najāḥiha*. Kāhīrah : Dār al-Ṣurūq, h. 17.

politik dan juga permasalahan kemanusiaan. Oleh sebab itu Islam menganjurkan umatnya agar bebas jauh dari belenggu kemiskinan dan kepapaan agar dapat menunaikan syariat Islam secara sempurna.

Salah satu tujuan pensyariatkan zakat di dalam Islam ialah menyelesaikan permasalahan kemiskinan. Bahkan merupakan tujuan utama pelaksanaan zakat. Sebagaimana hadis daripada 'Abdullah bin 'Abbas r.a bahawasanya Rasulullah s.a.w. mengutus Mu'az bin Jabal ke negeri Yaman sebagai gabenor, Rasulullah s.a.w. bersabda : ” Engkau akan didatangi kaum ahli kitab, seru mereka bersyahadat, jika mereka patuh katakan kepada mereka Allah s.w.t. telah mewajibkan kepada mereka solat lima kali sehari semalam, jika mereka patuh katakan kepada mereka Allah telah mewajibkan sedekah pada harta mereka yang diambil daripada orang yang kaya dan dikembalikan kepada orang yang miskin diantara mereka...”⁴

Berdasarkan pelaksanaan zakat yang dilaksanakan sekarang di Sumatera Utara, pelaksanaannya telah jauh daripada matlamat asal zakat yang sebenar. Mereka memahami bahawa zakat hanya setakat untuk memenuhi kewajipan sahaja dan kesedaran ini hanya muncul daripada golongan petani padi sahaja. Golongan petani padi berpendapat bahawa hasil pertanian yang wajib dikeluarkan zakat ialah hanyalah padi sahaja. Kerana majoriti masyarakat Tapanuli Selatan berpegang kepada mazhab Syafi'i.

Kajian dari sudut sosio-ekonomi petani di Sumatera Utara mendapati bahawa golongan ini masih berada ditahap golongan ekonomi menengah ke bawah. Oleh itu, pembayaran zakat padi yang dilaksanakan oleh petani di Sumatera Utara perlu dipantau

⁴ Al-'Aynī (1972), *'Umdāh al-Qārī fi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kāhirah : Muṣṭafā al-Ḥalabī, j. 2, h. 78.

agar matlamat pensyariatan zakat tercapai. Bukan setakat memenuhi kewajipan dan berpegang pada satu mazhab fiqh sahaja, dalam masa yang sama melihat kesesuaiannya terhadap realiti masa sekarang dan keadaan masyarakat setempat. Oleh itu, kajian mengenai sumber-sumber zakat pertanian selain padi perlu diterokai agar memenuhi keperluan semasa.

Berdasarkan observasi, penulis mendapati bahawa dalam pelaksanaan zakat pertanian di Sumatera Utara, kebanyakan petani yang membayar zakat hanyalah petani padi sahaja. Sumatera Utara adalah termasuk salah satu daerah penghasil pertanian di Indonesia. Ada pelbagai jenis pertanian dihasilkan di Sumatera Utara diantaranya ialah padi, jagung, getah, kelapa s.a.w.it, ubi, salak, kacang-kacangan sayur-sayuran dan sebagainya. Sementara saat ini kebanyakan sektor pertanian yang lain sudah mulai dikomersialkan seperti s.a.w.it, getah, salak dan sebagainya. Mengapakah petani yang mendapatkan penghasilan yang lumayan tidak diwajibkan mengeluarkan zakat, sementara petani padi yang penghasilannya terkadang hanya cukup untuk keperluan hidupnya dan keluarganya sahaja diwajibkan mengeluarkan zakat.

Keadaan yang terjadi ialah orang miskin mengeluarkan harta mereka kepada golongan miskin. Maka yang miskin tetap dalam kemiskinannya sementara yang kaya semakin memperkaya dirinya. Sementara tujuan sebenar daripada zakat itu sendiri ialah untuk menyelesaikan permasalahan kemiskinan atau mengurangkan kadar kemiskinan, mengurangkan jurang pendapatan dan merupakan agihan kekayaan daripada orang kaya

kepada orang miskin. Sehingga Nabi Muhammad s.a.w. tidak pernah menyebut tujuan daripada zakat pada seketika masa kecuali untuk mengurangi kadar kemiskinan.⁵

Isu yang kedua ialah *muzakki* dalam hal ini petani membayarkan zakat pertanian mereka kepada asnaf zakat secara langsung tanpa melalui lembaga atau badan amil zakat yang ada. Hal ini mengakibatkan pengagihan zakat tidak merata kepada semua asnaf yang berhak menerima zakat, kerana tidak semua *muzakki* faham mengenai asnaf yang berhak menerima zakat secara keseluruhan. Hal ini juga mengakibatkan potensi yang besar daripada zakat pertanian tidak terkelola dengan baik sehingga tidak dapat menaikkan taraf hidup dan meningkatkan ekonomi masyarakat setempat secara maksimal.

Sementara itu di Sumatera Utara telah dibentuk badan amil zakat yang tersebar di seluruh wilayah Sumatera Utara. Di provinsi Sumatera Utara sendiri terdapat lembaga zakat yang bernama BAZDASU (Badan Amil Zakat Daerah Sumatera Utara) yang terletak di bandar Medan. Begitu juga di setiap daerah dan kabupaten terdapat lembaga zakat seperti di kabupaten Tapsel (Tapanuli Selatan) ada BAZDA Tapsel (Badan Amil Zakat Daerah Tapanuli Selatan, di Padang Sidempuan ada BAZDA Psp (Badan Amil Zakat Daerah Padang Sidempuan, di kabupaten Madina (Mandailing Natal) ada BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Mandailing Natal.

Akan tetapi berdasarkan observasi yang telah dilakukan oleh penulis, petani lebih suka membayarkan zakat pertanian mereka kepada mustahik zakat secara langsung daripada membayarkannya kepada badan amil zakat yang ada. Maka di sini penulis ingin mengkaji apakah fakta ini adalah benar ataupun tidak dan juga faktor penentu yang menyebabkan hal ini terjadi.

⁵ Yūsuf al-Qarāḍāwī (2001), *op.cit.*, h. 21.

Kemudian penulis akan meneliti sejauh mana kefahaman masyarakat di daerah Sumatera Utara mengenai zakat pertanian serta cara pelaksanaan zakat pertanian yang selama ini telah diamalkan oleh masyarakat di daerah Sumatera Utara. Diharapkan dengan mengetahui pemahaman masyarakat dan cara pelaksanaannya maka dapat dilihat adakah amalan yang selama ini diamalkan oleh petani di daerah Sumatera Utara telah menepati syariat dan tujuan sebenar pensyariatan zakat ataukah tidak sehingga dapat dicarikan jalan keluar untuk permasalahan tersebut.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan membahas beberapa persoalan berikut, iaitu :

1. Apakah sumber-sumber zakat pertanian menurut pandangan para Fuqaha?
2. Apakah hasil pertanian yang telah dibayarkan zakatnya di daerah Sumatera Utara?
3. Bagaimanakah kefahaman masyarakat di daerah Sumatera Utara mengenai zakat pertanian?
4. Bagaimanakah cara pelaksanaan dan pentadbiran zakat pertanian di Sumatera Utara?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Melihat sumber-sumber zakat pertanian menurut pandangan para Fuqaha.
2. Melihat sumber-sumber zakat pertanian yang telah diamalkan oleh petani di daerah Sumatera Utara.
3. Melihat sejauh mana kefahaman masyarakat di daerah Sumatera Utara mengenai zakat pertanian.
4. Melihat cara pelaksanaan dan pentadbiran zakat pertanian di Sumatera Utara.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Kajian ini akan menjadi satu sumbangan baru bagi dunia akademik memandangkan kajian tentang pelaksanaan zakat pertanian di Sumatera Utara belum pernah dibuat selama ini oleh para ahli akademik
2. Hasil daripada Kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada institusi-institusi zakat untuk lebih memperkemaskan lagi pelaksanaan zakat pertanian.
3. Kajian ini diharap dapat memberi panduan bagi pihak kerajaan, umumnya dan institusi zakat, khususnya dalam mengubah dasar-dasar zakat pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam.

1.6 SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini penulis membahas mengenai zakat. Kajian ini khusus mengenai zakat pertanian dan perladangan kerana melihat potensi yang ada, zakat pertanian dan perladangan mempunyai nilai yang tinggi dan mampu untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Lebih-lebih lagi di negara agraris seperti Indonesia, kesedaran masyarakat petani (majoriti berada dikawasan pedesaan) dalam membayar zakat pertanian adalah tinggi berdasarkan observasi yang dilakukan oleh penulis.

Yang dimaksud zakat pertanian disini adalah petani yang mengusahakan padi, manakala perladangan ialah petani yang mengusahakan pertanian selain padi seperti getah, kelapa sawit, koko, salak dan sebagainya. Kajian ini lebih fokus pada pelaksanaan dan pengelolaan zakat pertanian dan perladangan pada masa sekarang dilihat dari pelaksanaannya di masa awal Islam. Kajian ini juga melihat konsep zakat pertanian

berdasarkan pendapat para ulama dan sarjana-sarjana Islam serta amalannya di kalangan masyarakat Islam.

Kajian ini dilaksanakan di daerah Sumatera Utara, Indonesia. Penulis memilih daerah ini kerana Sumatera Utara adalah merupakan salah satu wilayah di Indonesia yang termasuk salah satu pengeluar hasil pertanian terbanyak. Penulis memilih tiga daerah di Sumatera Utara sebagai tempat kajian iaitu Tapanuli Selatan (TAPSEL), Mandailing Natal (MADINA) dan Padang Sidempuan (PSP).

Penulis memilih daerah tersebut disebabkan beberapa faktor :

1. Daerah tersebut merupakan daerah yang mempunyai tanah pertanian yang luas.
2. Pertanian di daerah tersebut merupakan pertanian rakyat bukan pertanian milik kerajaan.
3. Majoriti penduduknya beragama Islam.

Adapun responden dalam penyelidikan ini ialah para petani di daerah Sumatera Utara khususnya di daerah Tapanuli Selatan (TAPSEL), Mandailing Natal (MADINA) dan Padang Sidempuan (PSP) serta Institusi zakat atau BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) di tingkat provinsi Sumatera Utara Badan Amil Zakat Daerah Sumatera Utara (BAZDASU), Badan Amil Zakat Tapanuli Selatan (BAZDA TAPSEL), Badan Amil Zakat Mandailing Natal (BAZDA MADINA) dan Badan Amil Zakat Padang Sidempuan (BAZDA PSP).

1.7 KAJIAN LEPAS

Sebenarnya kajian dan penelitian tentang zakat ini telah banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana Islam mulai dari dahulu hingga sekarang. Kajian dan penelitian tersebut ada

yang bersifat umum dan khusus. Mulai dari pembahasan zakat secara kontekstual, teori zakat, pelaksanaan, pembahagian zakat, mustahik zakat, jenis zakat sampai kepada kajian tempatan. Di sini penulis akan membahagikannya kepada beberapa golongan kajian

1.7.1 Kajian Teori Zakat

Umpamanya tulisan yang dibuat oleh Monzer Kahf.⁶ Tulisan ini membahas tentang pemikiran Syaikh Mustafa Zarqa di dalam permasalahan fiqh zakat. Beliau mengatakan bahawa ada beberapa perkara didalam fiqh zakat yang memerlukan perubahan baru kerana terjadinya perubahan keadaan.

Beliau lebih mengarahkan zakat kepada prinsip keadilan dan konsistens. Apa yang beliau jelaskan di sini ialah mengenai keadilan agihan dalam objektif zakat dan keadilan pengambilan zakat di dalam masyarakat muslim moden. Beliau telah mengemukakan beberapa cadangan untuk memperkemaskan lagi sistem pelaksanaan zakat. Seperti zakat sebagai pungutan harta tidak hanya terbatas kepada bentuk yang telah dibuat pada masa Rasulullah s.a.w. dahulu akan tetapi ianya menyesuaikan kepada perkembangan masa dan tempat. Dalam kriteria pengambilan zakat terhadap kekayaan, zakat mempunyai nisab sehingga zakat tidak hanya dikenakan kepada orang kaya sahaja akan tetapi kepada orang yang berpenghasilan tinggi juga wajib zakat.

Kajian tentang mekanisme pengelolaan dana zakat di dalam pelaburan untuk pembangunan sosio-ekonomi dibuat oleh Muhammad Anwar.⁷ Pendirian institusi-institusi kewangan dibawah nama "Dana Investasi Wakaf Zakat". Institusi ini berdiri atas dasar

⁶ Monzer Kahf (1989), "Zakat: Unresolved Issues In The Contemporary Fiqh", *Journal of Islamic Economics*, Vol. 2, no.1,h.1. Petaling Jaya : International Islamic University Press

⁷ Muhammad Anwar (1995), "Financing Socio-Economics Development With Zakat Funds", *Journal of Islamic Economics*, Vol. 4, no. 1& 2,h. 15.

wakaf dengan pelaksanaan pencarian keuntungan (*profit-seeking*). Walaupun begitu mekanisme yang dijalankan oleh intitusi tersebut haruslah bersesuaian dengan prinsip-prinsip syariah. Cadangan yang beliau ajukan di dalam artikel ini ialah dana zakat dapat menjadi dana pelaburan untuk membangun sosio-ekonomi negara-negara muslim. Oleh sebab itu perlunya persediaan proposal untuk membangunkan satu institusi yang dinamakan dengan " Dana Investasi Wakaf Zakat" bagi negara-negara muslim yang berminat untuk membangun sosio-ekonominya ke arah yang lebih baik.

Satu tesis mengenai pengelolaan zakat; kajian perbandingan telah dibuat oleh Maratua Simanjuntak.⁸ Tulisan ini membahas tentang perbandingan pengelolaan zakat di Medan dan Pulau Pinang. Parameter yang digunakan oleh penulis dalam mengkaji kedua institusi zakat di daerah terbabit adalah enakmen zakat, organisasi, pentadbiran, kutipan dan agihan. Kajian ini mendapati bahawa pemahaman terhadap fiqh zakat telah mengalami perubahan di sektor-sektor jasa dan usaha. Aktiviti pengumpulan zakat di PUZ Pulau Pinang terdapat pelbagai kemudahan. Jumlah penerimaan zakat sangat memuaskan. Enakmen zakat dan sistem yang dilaksanakan di Pulau Pinang bersifat lebih tegas. Ianya menguntungkan muzakki, kerana zakat mengurangi cukai. Manakala di Medan mendapati lebih unggul daripada segi penyaluran pengembangan; iaitu, pada pelaburan dalam perkebunan, klinik kesihatan dan saham pada bank syariah.

⁸ Maratua Simanjuntak (2006), "Pengelolaan Zakat di Medan dan Pulau Pinang : Satu Kajian Perbandingan", *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Sains Malaysia

1.7.2 Kajian Agihan Zakat

Satu kajian mengenai agihan zakat telah dibuat oleh Ahmad Hidayat Buang.⁹ Kajian ini lebih menekankan kepada aspek agihan zakat yang terdapat beberapa persoalan terutama mengenai lebih wang zakat yang telah dilaburkan di institusi-institusi kewangan dan pelaburan. Perkara ini boleh menimbulkan persoalan dari segi hukum kerana wang zakat walaupun tidak dibelanjakan atas sebab-sebab tertentu seperti pentadbiran mesti dihabiskan perbelanjaannya. Beliau mencadangkan agar Pentadbiran Baitulmal dan Zakat hendaklah lebih bersifat terbuka dan telus dalam mengumumkan penyata-penyata pendapatan dan perbelanjaan mereka secara menyeluruh supaya masyarakat Islam yang membayar zakat lebih yakin dengan mereka.

Disamping itu juga terdapat sumber-sumber lain berupa kertas kerja dan kajian para pakar zakat diantaranya kajian yang dibuat oleh Patmawati Hj. Ibrahim.¹⁰ Tumpuan kajian ini adalah untuk melihat pelaksanaan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan dari aspek tempoh masa dan jumlah amaun zakat yang diterima oleh para asnaf fakir dan miskin. Kemudian dijelaskan tentang objektif kajian ini iaitu mengkaji tempoh masa terimaan zakat, jumlah amaun terimaan zakat dari asnaf fakir dan miskin dan faktor-faktor yang mempengaruhi tempoh masa dan jumlah terimaan zakat di kalangan asnaf fakir dan miskin. Kajian ini mencadangkan supaya jumlah agihan zakat dan tempoh masa penerimaan bantuan hendaklah selaras. Bagi para penerima zakat produktif, jumlah amaun bantuan yang diberi hendaklah mencukupi bagi membolehkan para penerima bantuan fokus kepada

⁹ Ahmad Hidayat Buang, "Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995", *Jurnal Syariah APIUM*, Vol. 7, No.2

¹⁰ Patmawati Hj Ibrahim, "Kajian Pelaksanaan Agihan Zakat dalam Membasmi Kemiskinan di Selangor : Tempoh masa dan Amaun Terimaan Zakat" (Kertas Kerja, Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan SEIPK-2009 di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 10-11 Februari 2009)

projek ekonomi mereka. Ini akan membolehkan projek ekonomi mereka stabil lebih cepat, seterusnya berdikari dan tidak memerlukan bantuan lagi.

1.7.3 Kajian Zakat Pertanian

Satu kajian yang terperinci mengenai zakat padi telah dibuat oleh Asmak Ab Rahman dan Fadzim bin Othman.¹¹ Kajian ini membahas taksiran zakat padi terhadap petani padi di Selangor. Kajian ini mendapati bahawa taksiran zakat tidak menolak kos tanaman dan sara hidup, hal ini menyebabkan salah pengiraan terhadap petani miskin sehingga membuat mereka yang membayar zakat sebagai penerima zakat. Cadangan yang disampaikan oleh penulis disini ialah kaedah taksiran zakat pertanian di Malaysia perlu dikaji semula untuk menjamin keselamatan dan kebajikan petani di Malaysia. Oleh kerana tiada nas yang jelas sama ada kos penanaman perlu ditolak terlebih dahulu sebelum dinilai hasil tanaman mencukupi lima *wasaq* namun atas prinsip *maṣāliḥ mursalah* untuk menjaga kebajikan petani, sewajarnya zakat tanaman diwajibkan atas hasil bersih.

Kajian yang dibuat oleh Asmak Ab Rahman *et all.*¹² Kajian ini bertumpu pada kaedah taksiran zakat pertanian yang dilaksanakan di Malaysia. Peneliti mendapati bahawa hanya padi sahaja yang dikenakan zakat pertanian walaupun terdapat peruntukan dalam Undang-Undang Negeri seperti di Terengganu dan Perak yang menyatakan bahawa tanaman seperti jagung, sekoi dan makanan asasi lain juga dikenakan zakat pertanian. Kajian ini melihat kesan kaedah taksiran zakat padi kepada petani-petani yang mana kadar nisab padi dalam nilai ringgit adalah lebih rendah dari garis kemiskinan Malaysia

¹¹ Asmak Ab.Rahman & Pazim @ Fadzim bin Othman (2005), “ Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya Terhadap Petani Kajian di Selangor”, *Jurnal Syariah*, 13:1

¹² Asmak Abd Rahman et all, “Analisis Kaedah Taksiran Zakat Pertanian di Malaysia” (Kertas Kerja, Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan SEIPK-2009 di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 10-11 Februari 2009)

sedangkan zakat padi diagihkan oleh orang kaya kepada orang miskin. Cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu perlu diadakan kaedah taksiran yang baru yang akan mengambil kira beberapa faktor seperti penilaian semula kadar lima *wasaq*, mengambilkira penolakan kos-kos tanaman, kos-kos sara hidup dan mendapatkan pengecualian subsidi dari dikenakan zakat.

Satu kajian yang telah dibuat oleh Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid.¹³ Kajian ini meneliti kemungkinan untuk memperluaskan sumber zakat bagi sektor pertanian, seterusnya menilai potensi dan faktor penentu pembayaran zakat pertanian. Hasil kajian menunjukkan bahawa banyak kegiatan dalam sektor pertanian boleh dizakat. Kajian juga menunjukkan bahawa majoriti masyarakat secara umumnya menyokong langkah tersebut. Hasil kajian ini juga mendapati faktor pengetahuan agama dan kefahaman harta yang dikenakan zakat amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pertanian. Implikasi dasar dari kajian ini ialah kewajipan zakat boleh dikenakan ke atas beberapa hasil pertanian yang diikhtilaf dan bagi memastikan kesediaan membayar dan meningkatkan hasil kutipan zakat, satu perundangan khusus mengenai zakat sektor pertanian perlu diwujudkan.

Kajian tentang sikap mementingkan kebajikan orang lain berbanding kebajikan diri sendiri dalam kes zakat pertanian telah dibuat oleh Surtahman Kastin Hasan dan Mohaini Tajuddin.¹⁴ Kajian ini membahas tentang akhlak altruisme iaitu sikap mahu membantu orang lain di mana yang berkemampuan tanpa dipaksa akan mengeluarkan zakat dari hasil pertaniannya. Kajian ini mendapati bahawa sifat altruisme kebanyakannya dimiliki oleh

¹³ Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2004), "Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian", *Prosiding Seminar*, Kepelbagaian Peranan Pertanian dan Sumber Alam : Prospektif dan Cabaran, Pusat Pengajian Ekonomi Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM, 11 – 12 oktober 2004, The Mines, Seri Kembangan

¹⁴ Surtahman Kastin Hasan dan Mohaini Tajuddin (2002), "Altruisme Dalam Pertanian: Kes Zakat", *Seminar Kebangsaan Liberasi Perdagangan Sektor Pertanian Malaysia*, 26-28 Julai 2002, Hotel Hilton, seremban

masyarakat petani kampung yang berpengalaman bantu-membantu dan beri-memberi apabila berlaku kekurangan. Akhlak ini mulai hilang di kebanyakan masyarakat bandar (kota), mereka lebih mementingkan kebajikan diri sendiri tanpa memikirkan kepentingan orang lain (masyarakat). Kenyataan yang terjadi ialah kebanyakan zakat pertanian adalah daripada petani padi (yang rata-rata miskin) sedikit sekali yang terlibat dalam perusahaan pertanian seperti kelapa sawit, koko, buah-buahan dan sebagainya bersedia mengeluarkan zakatnya.

Kajian khusus mengenai zakat pertanian telah dibuat oleh Mujaini Tarimin.¹⁵ Dalam kajian ini penulis mendapati bahawa ijtihad untuk mempelbagaikan zakat hasil pertanian telah diteroka sejak awal perkembangan Islam lagi. Akan tetapi usaha-usaha tersebut hanya menjadi kenangan sejarah dan hiasan perpustakaan sahaja. Beliau memberikan cadangan agar Ulama Malaysia (Jabatan Agama Islam) hendaklah mengubah sikap dari hanya berpegang pada satu mazhab kepada sikap lebih terbuka dalam menyelesaikan persoalan zakat pertanian. Beliau juga mencadangkan agar mempelbagaikan hasil pertanian dan tidak hanya terhad kepada padi dan jagung sahaja.

Walaupun kajian mengenai zakat pertanian ini sudah banyak dilakukan oleh para sarjana Islam. Akan tetapi kajian zakat pertanian di Sumatera Utara belum pernah lagi dibuat. Oleh sebab itu penulis mengharapkan bahawa kajian ini akan memberikan sedikit sebanyak manfaat dalam menerokai isu-isu semasa mengenai zakat pertanian dan dapat memberikan cadangan-cadangan bagi menyelesaikan isu tersebut. Walau bagaimanapun ianya akan menjadi satu khazanah keilmuan dalam kajian zakat pertanian.

¹⁵ Mujaini Tarimin (1990), *Zakat Pertanian, Sistem dan Pelaksanaannya di Malaysia, dengan Rujukan Khas Kepada Mukim Tanjung Karang Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kuantitatif. Kerana kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan pelaksanaan dan pentadbiran zakat pertanian di daerah Sumatera Utara. Pandangan para fuqaha' mengenai kepelbagaian jenis pertanian yang wajib dikeluarkan zakat, bagaimana pelaksanaan zakat pertanian yang telah diamalkan di daerah Sumatera Utara serta melihat sumber dan faktor penentu pembayaran zakat pertanian di daerah terbabit. Oleh sebab itu sifat kajian ini adalah kajian teoritikal dan praktikal yang cuba memberikan suatu penjelasan tentang bagaimana pelaksanaan dan pentadbiran zakat pertanian sebenar dalam konsep Islam dan amalannya di daerah Sumatera Utara.

Kajian ini dikemukakan dalam bentuk penyelidikan deskriptif dan kuantitatif dengan membuat gambaran tentang keadaan dan situasi sebenar yang berlaku melalui analisa terhadap interpretasi dan amalan yang berkaitan dengan pelaksanaan zakat pertanian di daerah Sumatera Utara.

Dalam membuat kajian ini, penulis menggunakan metode pengumpulan data dan analisis data.

1. Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kaedah pengumpulan data ini penulis menggunakan dua bentuk kajian, iaitu, metode perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*). Bagi metode yang pertama penulis mengkaji bahan-bahan dan sumber-sumber yang ada kaitannya dengan kajian ini. Sumber-sumber data yang telah dikumpulkan daripada perpustakaan ini dikumpulkan kemudian dibuat analisa fakta-fakta mahupun teori-teori serta amalan yang terdapat dari pelbagai sumber. Sumber-sumber data ini dibahagi kepada dua iaitu data-data

primer dan data-data sekunder. Data-data primer didapati daripada Al-Quran, as-Sunnah dan juga pendapat para Ulama Mazhab daripada Syafi'i, Hanbali, Hanafi dan Maliki. Data sekunder penulis menggunakan penulisan-penulisan kontemporer yang didapati daripada buku, akhbar, jurnal, artikel, kertas kerja dan kajian yang telah termuat di dalam majalah yang dibahas dalam seminar mahupun yang telah dibukukan serta data-data terkini mengenai zakat pertanian di daerah Sumatera Utara daripada halaman web yang resmi serta daripada Pemerintah Daerah Sumatera Utara, khususnya Pemerintah Daerah Tapanuli Selatan (Pemda Tapsel), Pemerintah Daerah Mandailing Natal (Pemda Madina) dan Pemerintah Daerah Padang Sidempuan (Pemda PSP). Begitu juga data mengenai kutipan zakat penulis mengambil daripada instirusi zakat atau Badan Zakat Daerah (BAZDA) di daerah tersebut.

Sedangkan dalam kajian lapangan (*field research*) penulis membuat soal selidik kepada para petani yang ada di daerah Tapanuli selatan, Mandailing Natal dan Padang Sidempuan. Metode ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat daripada pembayar zakat. Penulis membuat soal selidik dengan melakukan *random sampling* (rawak) iaitu setiap populasi mempunyai kesempatan yang sama. Guna mengetahui secara langsung persepsi, pelaksanaan dan amalan zakat yang selama ini telah dilaksanakan di daerah Sumatera Utara, mengetahui jenis pertanian yang telah dikeluarkan zakatnya dan yang tidak dikeluarkan zakat serta melihat faktor penentu pembayaran zakat pertanian.

Kemudian untuk mendapatkan data luas lahan, jenis pertanian dan jumlah petani, penulis mangambil data daripada institusi pemerintah di daerah tersebut. Seperti Pemda (Pemerintah Daerah) Tapanuli Selatan (TAPSEL), Mandailing Natal (MADINA) dan Padang Sidempuan (PSP). Penulis juga mengambil data daripada Institusi zakat atau

BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) untuk mengetahui berapa ramai petani yang membayar zakat kepada Institusi zakat terbabit.

2. Kaedah Analisis Data

Data-data yang telah terhimpun, sama ada melalui kajian perpustakaan ataupun kajian lapangan, akan dirumuskan dan diklasifikasikan mengikut permasalahannya masing-masing. Data-data primer dan sekunder dipilih, ditelaah dan kemudian dianalisa serta diklasifikasikan mengikut keperluan yang dikehendaki dalam kajian ini. Adapun data-data yang didapati daripada kajian lapangan berupa soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan bantuan SPSS.

Untuk menganalisis data yang didapati daripada soal selidik penulis menggunakan analisis deskriptif. Analisis deskriptif ini digunakan dengan memakai frekuensi dalam menghuraikan ciri-ciri setiap variabel dan mengetahui hubung kait antar variabel tersebut. Kemudian penulis menyediakannya dalam bentuk jadual, rangka untuk mengetahui taburan bilangan, kekerapan dan hubung kait antara satu variabel dengan variabel yang lain.